

KENYATAAN MEDIA

3 Februari 2020

Untuk Edaran Segera

MEMPERKASA EKONOMI BUMIPUTERA SARAWAK MELALUI PENGWUJUDAN ANJUNG USAHAWAN

Limbang, SARAWAK, 3 Februari 2020 – Anjung Usahawan Limbang telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan, Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II Sarawak, YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hassan. Anjung Usahawan Limbang adalah komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk memperkasa ekonomi Bumiputera di Sarawak.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), En. Md Silmi Abd Rahman, projek pembangunan Anjung Usahawan ini merupakan inisiatif bersama, di antara TERAJU dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan (MINTRED) Sarawak di bawah program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) Sarawak. Melalui inisiatif program ini, usahawan dan komuniti Bumiputera tempatan telah berpeluang mendapatkan premis perniagaan di samping menjalankan aktiviti ekonomi komuniti setempat.

Di bawah program DPUB, sebanyak RM2.0 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan Anjung Usahawan Limbang dalam menyediakan kemudahan seperti gerai makanan & minuman, kiosk-kiosk jualan kraftangan dan perkhidmatan seperti pendadanan rambut, butik pakaian dan butik penjagaan haiwan peliharaan (*pet store*). Anjung usahawan ini juga menyediakan pusat inkubator dan dewan seminar yang boleh digunakan untuk latihan usahawan Bumiputera tempatan. Dengan adanya kemudahan seperti ini, ianya dapat membangun dan merancakkan ekonomi serta menaik taraf hidup masyarakat setempat. Inisiatif ini telah berjaya melahirkan usahawan baru di Limbang serta berjaya menaik taraf usahawan yang baru dan sedia ada dengan kemudahan yang lebih selesa. Anjung ini memberi manfaat kepada 19 usahawan Bumiputera di Limbang. Sejak di buka, Anjung ini turut mendapat sambutan bukan

hanya dari pengunjung tempatan, tetapi juga dari Brunei terutamanya pada hujung minggu.

Turut hadir di perasmian ini ialah Menteri Muda Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak, YB Datuk Haji Mohd Naroden bin Haji Majais dan Menteri Muda Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak, YB Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail dan pegawai-pegawai kerajaan tempatan.

Di bawah program DPUB, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan dana sebanyak RM15 juta, di mana lebih 80% telah digunakan bagi pengwujudan tujuh (7) buah Anjung Usahawan di Sarawak, iaitu di Santubong, Samariang, Gedong, Sri Aman, Betong dan Lawas termasuk Limbang. Anjung-anjung ini telah memberi manfaat kepada 220 usahawan dan mencipta hampir 500 peluang pekerjaan.

Dana selebihnya pula, digunakan untuk program pembangunan kapasiti (GERAK & USTEV) dan Program Galakan Usahawan (PGU) yang memberi bantuan berbentuk mesin dan peralatan perniagaan, yang mana telah memberi manfaat kepada lebih 300 usahawan kecil di Sarawak.

Md Silmi Abd Rahman akan berada di Kuching bagi mengadakan kunjungan hormat dan sesi suai kenal bersama YBhg Datu Hj Ismawi bin Hj Ismuni, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) pada 4 Februari 2020.

Pada kesempatan ini, beliau juga turut mengadakan sesi lawatan kerja ke tapak salah satu projek DPUB Sarawak, iaitu projek kerjasama antara TERAJU dan Universiti Sains Malaysia (USM) di Kampung Belungei, Lundu Sarawak. Projek ini telah memberi manfaat kepada 15 orang peserta Bumiputera dari golongan B40 untuk membangunkan Ladang Lestari Madu Kelulut di samping membaiki kualiti produk Madu Kelulut yang sedia ada dengan pensijilan Halal dan MESTI serta meningkatkan kualiti pembungkusan supaya lebih komersial.

TERAJU juga turut mengadakan perbincangan bersama pihak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan UiTM Sarawak mengenai program DPUB yang melibatkan lebih 90 usahawan Bumiputera Sarawak dalam membangunkan industri kotej seperti

perusahaan Gula Apong, Ikan Salai, Ketam dan Ikan Eksotik di seluruh Sarawak. Secara keseluruhan, program DPUB bersama Universiti akan memberi manfaat kepada lebih 250 usahawan kecil Bumiputera di 17 lokasi di seluruh Sarawak.

Kunjungan hormat dan lawatan tapak ini adalah diantara beberapa program lawatan Koridor Ekonomi yang akan dilaksanakan secara berperingkat. Tujuan lawatan kerja ini adalah sebagai usaha TERAJU untuk mendapat maklum balas bagi memahami situasi dan isu-isu perancangan di peringkat pelaksanaan terutamanya dalam memperkasakan pembangunan ekonomi khususnya golongan B40 selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) negara yang ditunjangi oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ia juga bertujuan untuk TERAJU merangka program-program baru bagi tahun 2020 dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

- TAMAT -

MENGENAI TERAJU

TERAJU, Unit Peneraju Agenda Bumiputera, Agenda Bumiputera ditubuhkan pada tahun 2011 oleh Jabatan Perdana Menteri sebagai unit strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaraskan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Kini, TERAJU merupakan agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dipacu berdasarkan lima teras di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0) – iaitu, memperkukuhkan modal insan, menggalakkan pekerjaan dan pendapatan bernilai tinggi, meningkatkan saham Bumiputera dan nilai ekuiti korporat, memperkukuh keusahawanan, serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan.

Selain daripada sudut ekonomi, TERAJU juga berperanan dalam aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya, hidup dalam persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan penerapan aspek sosial melalui Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) Sarawak
Tingkat 2, Wisma Sumber Alam, Jalan Stadium, Petrajaya, 93050 Kuching, Sarawak
T/P: 082-311686, Fax: 082-441529
E: khairina@teraju.gov.my atau aloysius@teraju.gov.my
W: www.teraju.gov.my

Atau

Unit Komunikasi Korporat
Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)
Aras 5, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU7/3
Mutiar Damansara, 47810 Selangor Darul Ehsan
T: +603 7839 8000 | F: +603 7839 100 | M: 019 966 2717
E: siti.zubaidah@teraju.gov.my | W: www.teraju.gov.my